

UMP kaji tandan sawit jadi pemusnah anai-anai

KUANTAN Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan bahan pemusnah serangga perosak terutama anai-anai secara mesra alam berasaskan tandan kelapa sawit terbuang.

Ketua Penyelidik Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP, Abdul Syukur Abdul Razak berkata, penggunaan tandan sawit kosong merupakan teknik terbaru untuk menghapuskan serangga perosak seperti anai-anai.

Beliau berkata, ini kerana tandan kelapa sawit mengandungi *lignoselulosa* yang boleh dijadikan umpan kepada anai-anai untuk memakannya dan kemudian mati.

"Penggunaan tandan sawit terbuang lebih bersifat mesra alam serta mudah dikendalikan bagi mengatasi masalah anai-anai selain menjimatkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis memorandum perjanjian (MoA) antara UMP dengan syarikat pemusnah serangga perosak tempatan, Mega Juara Pest Control (MJPC) Sdn. Bhd. di kampus UMP, Gambang di sini, kelmarin.

UMP diwakili Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim manakala MJPC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Aminuddin Hafidzin.

Majlis tersebut disaksikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Pada majlis itu, MJPC menyerahkan cek penajaan berjumlah RM30,000 dan sebuah kenderaan pacuan empat roda, Mahindra Scorpio bagi memudahkan penyelidikan dijalankan.